

29 OCT 2001

Abdullah-Institut

K'JAAN CADANG KAMPUS SERANTAU BAGI PEMBANGNAN SUMBER MANUSIA

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Kerajaan mencadangkan supaya sebuah institut khas ditubuhkan di Malaysia dan bergabung dengan badan antarabangsa bagi menyediakan kursus ijazah dan program latihan lain bagi pengurusan sumber manusia.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata institut itu boleh mengadakan program berkembar dengan European Management Development Institute di Paris, Perancis.

Beliau berkata institut di Malaysia itu boleh bertindak sebagai kampus serantau bagi institut antarabangsa yang berpusat di Paris itu yang meliputi rantau Asia Tenggara.

"Institut ini boleh menyediakan latihan kelas pertama dalam sumber manusia bukan sahaja bagi Malaysia tetapi juga dari rantau berkenaan," kata beliau pada majlis penyampaian Anugerah Sumber Manusia Kebangsaan di sini hari ini.

Abdullah berkata Institut Pengurusan Sumber Manusia (MIHRM) harus menyelaras dengan badan yang berpusat di Paris itu untuk menyiapkan butiran cadangan itu.

Beliau kemudian mengarahkan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn merangka cadangan itu dan menubuhkan institut itu di sini.

Abdullah berkata Malaysia memang bersungguh-sungguh untuk meningkatkan daya saing dan pembangunan sumber manusia adalah penting bagi melahirkan pekerja yang berilmu dan dedikasi selaras dengan konsep K-Ekonomi.

Anugerah Sumber Manusia Kebangsaan dimenangi oleh Mohammad Abu Bakar, pengurus besar sumber manusia Silterra Malaysia Sdn. Bhd, syarikat berteknologi tinggi di Kulim yang mengeluarkan wafer silikon bagi memory chip untuk computers.

Abu Bakar, 44 menewaskan 25 calon lain atas kecemerlangan kerjanya dalam memajukan program untuk melatih 400 pekerja menjadi pekerja mahir untuk menguruskan syarikat berteknologi tinggi.

Abu Bakar menerima trofi dan tiket penerbangan ke Paris dan menghadiri kursus seminggu di institut di Paris.

-- BERNAMA

DC DC FAZ